

23 SEP 1996

Rahim-Sebat

POLIS MUNGKIN CADANG HUKUM SEBAT TERHADAP PESALAH LUMBA HARAM

PORT DICKSON, 23 Sept (Bernama) -- Polis mungkin mencadangkan hukuman sebatan terhadap mereka yang didapati terbabit dalam kegiatan lumba haram.

Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor berkata, pada pandangan peribadi beliau, langkah ini mungkin dapat membenteras kegiatan berkenaan daripada berleluasa.

"Mungkin hukuman sebat akan menghentikan kegiatan lumba haram itu seperti di sesetengah negara yang mana mereka yang membuang "chewing gam" atau sampah turut dihukum sebat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan dwi-tahunan ke-26 Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU) di sini, hari ini.

Walaupun pelbagai tindakan telah dijalankan oleh polis terhadap kegiatan itu tetapi sehingga ini ia masih sukar untuk dibanteras, katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kejadian seorang anggota polis trafik, Lans Koperal Ishak Mamat, 36, yang terbunuh apabila dirempuh sebuah kereta ketika sedang menjalankan tugas dalam operasi mencegah perlumbaan haram di kilometer 15, Lebuhraya Persekutuan, Petaling Jaya, semalam.

Menurut beliau, perlumbaan haram itu bukan sahaja membahayakan mereka sendiri malah para pengguna jalan raya yang lain dan menganggap kejadian yang menimpa Lans Koperal Ishak itu sebagai menyedihkan.

Mengenai kejadian pergaduhan pekerja rakyat Bangladesh dengan penduduk tempatan di Johor baru-baru ini, Rahim berkata beliau akan membentangkan perkara itu dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

"Laporan yang akan dikemukakan itu adalah berdasarkan penelitian dan pandangan polis serta cara bagaimana perkara itu dapat ditangani dengan lebih berkesan," katanya.

Berhubung PACSU pula beliau berkata, antara perkara yang dibangkitkan kepada beliau semasa dailog selepas perasmian itu ialah mengenai perumahan, kenaikan pangkat dan pengisian lebih 1,000 kekosongan jawatan perkhidmatan awam dalam pasukan PDRM di seluruh negara.

"Pada umumnya saya berpuas hati dengan tugas mereka dan perkara yang dibangkitkan itu akan diambil kira," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Pengurusan PDRM Datuk Jamil Johari, Timbalan Ketua Polis Negeri Abdul Muluf Ali dan Setiausaha Agung Cuepacs N. Siva Subramaniam. -- BERNAMA

RP RAB PR